



Ruj. Kami : MITI.400-4/1/1 JLD. 13 ()

Tarikh : 19 Disember 2022

YBHG. DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

46200 Petaling Jaya

SELANGOR

Assalamu'alaikum YBhg. Dato',

**PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN BAJET MENGURUS TAHUN 2022 BAGI
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) – PERBELANJAAN OPERASI**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan surat permohonan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bertarikh 13 September 2022, MPC telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan bajet mengurus tahun 2022 sebanyak **RM6,123,575.00** bagi menampung perbelanjaan kerja-kerja pembaikan dan gantian kemudahan fasiliti di bangunan ibu pejabat dan kompleks pejabat-pejabat Wilayah MPC. Susulan itu, Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat bertarikh 06 November 2022, no. rujukan MOF.NBO.600-9/1/36 JLD.7 (9) telah meluluskan permohonan sebanyak **RM3,511,500.00**.

3. Oleh demikian, MITI telah membuat penyaluran peruntukan mengurus sebanyak **RM3,511,500.00** kepada MPC melalui baucar bernombor **12006554** pada 09 Disember 2022 dengan nombor EFT **202211156814512303**. Butiran terperinci peruntukan yang diluluskan adalah seperti di **LAMPIRAN I**.

4. Sehubungan itu, pihak MPC perlu memastikan agar semua perancangan perbelanjaan yang telah dibuat dilaksanakan mengikut kelulusan yang telah diberi. Prestasi perbelanjaan dan kemajuan pelaksanaan perancangan perlulah dilaporkan kepada

Bahagian Kewangan MITI bagi tujuan pemantauan. Sebarang lebih peruntukan perbelanjaan hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Kewangan, MITI. Perbelanjaan hendaklah dibuat secara berhemat bagi mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan dengan mengguna pakai peraturan, pekeliling dan arahan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.


5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato' untuk melaksanakan perancangan perbelanjaan seperti yang dinyatakan di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Salam Hormat,

A stylized handwritten signature in black ink, consisting of several loops and a long horizontal stroke at the bottom.

(LOKMAN HAKIM ALI)

LAMPIRAN I

JUSTIFIKASI BAGI PERMOHONAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN GANTIAN
KEMUDAHAN FASILITI DI BANGUNAN IBU PEJABAT DAN KOMPLEKS PEJABAT WILAYAH MPC

BIL.	PERKARA	JUMLAH DIMOHON (RM)	JUMLAH DICADANG (RM)	NOTA
MPC IBU PEJABAT, PETALING JAYA SELANGOR				
1.	Perpaipan dan saluran najis Blok Produktiviti dan Inovasi	500,000.00	500,000.00	Berdasarkan semakan yang telah dibuat bersama MPC, kos bagi penggantian paip dan saluran najis di Blok Produktiviti dicadang sebanyak RM500,000.00 . Hasil lawatan tapak mendapati keadaan tandas tidak kondusif untuk digunakan dan terdapat keadaan tandas tidak mampu mengepam kerana isu perpaipan.
2.	Pembinaan bumbung di Blok Produktiviti dan Inovasi	400,000.00	400,000.00	Berdasarkan semakan yang telah dibuat bersama MPC, kos bagi Pembinaan bumbung di Blok Produktiviti dan Inovasi dicadang sebanyak RM400,000.00 . Hasil lawatan tapak, didapati banyak siling MPC yang telah runtuh dan air yang menitis disebabkan hujan terpaksa ditadah menggunakan

BIL.	PERKARA	JUMLAH DIMOHON (RM)	JUMLAH DICADANG (RM)	NOTA
				baldi dan tong sampah. Gambar daripada hasil lawatan tapak seperti di Lampiran II .
3.	Pembaikan longkang di Blok Produktiviti	70,000.00	70,000.00	Berdasarkan semakan yang telah dibuat bersama MPC, Bahagian Kewangan MITI berpandangan bahawa permohonan Pembaikan longkang di Blok Produktiviti dicadangkan sebanyak RM70,000.00 . Ini adalah kerana MPC terpaksa menghadapi situasi yang mana air hujan melimpah memasuki dewan memandangkan longkang tidak dalam dan tidak boleh menampung kapasiti air hujan yang mengalir.
JUMLAH MPC IBU PEJABAT		1,400,000.00	970,000.00	
MPC WILAYAH SARAWAK				
1.	Pembaikan tanah termasuk lantikan perunding dan kontraktor	1,700,000.00	1,700,000.00	Hasil tinjauan Bahagian Kewangan bersama KSU yang telah dibuat bersama wakil MPC dari Ibu Pejabat dan wakil MPC Sarawak, kos bagi Pembaikan tanah termasuk lantikan perunding dan kontraktor dicadang sebanyak RM1,700,000.00

BIL.	PERKARA	JUMLAH DIMOHON (RM)	JUMLAH DICADANG (RM)	NOTA
2.	Pendawaian baru di Blok Pentadbiran dan pembaikan pakir lantai dewan	300,000.00	230,000.00	Berdasarkan semakan yang telah dibuat bersama MPC, Bahagian Kewangan MITI berpandangan bahawa permohonan Pendawaian baru di Blok Pentadbiran dan pembaikan pakir lantai dewan dicadangkan sebanyak RM230,000.00
JUMLAH MPC WILAYAH SARAWAK		2,000,000.00	1,930,000.00	
MPC WILAYAH SELATAN				
1.	Pembaikan dan pemasangan kemasan lantai di bilik asrama	180,000.00	180,000.00	Hasil tinjauan Bahagian Kewangan bersama KSU yang telah dibuat bersama wakil MPC dari Ibu Pejabat dan wakil MPC Sarawak, kos Pembaikan dan pemasangan kemasan lantai di bilik asrama dicadang sebanyak RM180,000.00 . Ini adalah kerana bilik tersebut telah digunakan sebagai pusat kuarantin pesakit Covid-19 dan tidak lagi kondusif untuk digunakan dan MPC boleh menjana semula pendapatan yang mana hasil daripada pendapatan yang dihasilkan agak memuaskan

BIL.	PERKARA	JUMLAH DIMOHON (RM)	JUMLAH DICADANG (RM)	NOTA
2.	Penggantian Audio Visual dewan dan bilik-bilik kemudahan	200,000.00	113,000.00	Berdasarkan semakan yang telah dibuat bersama MPC, kos bagi penggantian Audio Visual di Pejabat wilayah MPC (Selatan) dicadang sebanyak RM113,000.00 .
3.	Penggantian perabot di bilik asrama	180,000.00	110,000.00	Berdasarkan semakan yang telah dibuat bersama MPC, Bahagian Kewangan MITI berpandangan bahawa permohonan ini diluluskan sebanyak RM110,000.00 . Ini adalah kerana bilik tersebut telah digunakan sebagai pusat kuarantin pesakit Covid-19 dan tidak lagi kondusif untuk digunakan. Bahagian Kewangan juga berpandangan bahawa setiap perabot ditukar dan MPC boleh menjana semula pendapatan yang mana hasil daripada pendapatan yang dihasilkan agak memuaskan. Namun begitu, permohonan untuk pembelian Smart TV dicadangkan sebanyak RM1,000.00 daripada RM1,990.00 yang dimohon.

BIL.	PERKARA	JUMLAH DIMOHON (RM)	JUMLAH DICADANG (RM)	NOTA
4.	Pembaikan Surau	100,000.00	100,000.00	Berdasarkan semakan yang telah dibuat bersama MPC, kos bagi pembaikan surau di pejabat wilayah MPC (Selatan) dicadang sebanyak RM100,000.00 .
JUMLAH		3,223,575.00	503,000.00	
MPC WILAYAH UTARA				
1.	Penggantian Chiller dan Audio Visual	108,500.00	108,500.00	Berdasarkan semakan yang telah dibuat bersama MPC, kos bagi penggantian Chiller (cooling tower) dan Audio Visual di Pejabat wilayah MPC (utara) dicadang sebanyak RM108,500.00 . Ini adalah kerana penghawa dingin dan projektor skrin tidak boleh berfungsi untuk digunakan di dalam dewan.
JUMLAH MPC WILAYAH UTARA		108,500.00	108,500.00	
JUMLAH KESELURUHAN		6,732,075.00	3,511,500.00	